

PM: Kaji tindakan pemimpin pekerja bermain politik

KUALA LUMPUR 22 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak para pekerja mengkaji semula tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pemimpin-pemimpin mereka yang bermain politik sehingga sanggup mengenyepikan kepentingan negara.

Kata Perdana Menteri, mereka tidak harus membiarkan pemimpin-pemimpin ini memburukkan imej negara semata-mata kerana pemimpin berkenaan mempunyai matlamat peribadi dalam perjuangan mereka.

Menurut beliau, hanya pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab, bebas daripada pengaruh politik dan tidak mementingkan diri sendiri sahaja yang patut dilantik memimpin kesatuan-kesatuan sekerja.

"Walaupun kerajaan sedar kepimpinan CUEPACS umpamanya terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab, matang dan mementingkan semangat musyawarah tetapi saya merasa amat dukacita kerana masih ada segelintir lagi yang tidak bertanggungjawab langsung serta mementing diri sendiri daripada nasib kaum pekerja," katanya ketika membuka konvensyen CUEPACS yang ke-19 di Wisma MCA hari ini.

Teks ucapan beliau dibaca-

kan oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa pemimpin-pemimpin kesatuan yang berkepentingan diri sendiri itu sanggup menabur fitnah dan memburuk-burukkan nama baik negara sendiri di kalangan kesatuan sekerja antarabangsa.

Kata Dr. Mahathir, golongan pemimpin seperti ini tidak hirau sama ada tindakan mereka akan menjejaskan ekonomi negara atau nasib kaum pekerja Malaysia.

"Apa yang mereka inginkan ialah perjuangan yang boleh membawa keuntungan kepada peribadi mereka sendiri," ujar beliau.

Oleh itu tegas Perdana Menteri, sudah tiba masanya bagi ahli-ahli kesatuan sekerja di negara ini mengkaji tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pemimpin-pemimpin mereka.

Beliau mengingatkan para pekerja supaya berhati-hati terhadap anasir-anasir yang ingin melihat Malaysia gagal dalam usaha menjadi sebuah negara maju.

Kejayaan Malaysia, kata Dr. Mahathir dalam bidang ekonomi, terutamanya sektor pembuatan bukan sahaja telah mengkagumkan banyak negara tetapi mungkin menimbulkan rasa iri hati di kalangan sesetengah pihak.

Menurut Dr. Mahathir, dalam usaha negara mencapai Wawasan 2020, kesatuan sekerja mempunyai peranan yang sama penting dengan agensi-agensi lain serta sektor swasta.

"Kesatuan sekerja sebenarnya boleh membantu negara mencapai status negara maju dengan menentukan iklim pelaburan Malaysia yang stabil dan menggalakkan.

"Ini boleh dilakukan dengan mengekal serta meningkatkan lagi keharmonian perusahaannya di kalangan pekerja-pekerja kita," kata Dr. Mahathir.

Beliau menambah, walaupun ahli-ahli CUEPACS terdiri daripada mereka yang berkhidmat di sektor awam, ini tidak bermakna peranan mereka kurang penting daripada pekerja di sektor swasta.

Ini kerana sektor awam yang lemah yang disebabkan oleh kakitangan awam yang kurang cekap, kurang disiplin dan kurang produktif akhirnya akan turut memberi kesan buruk kepada iklim pelaburan negara.

Kata Dr. Mahathir, sama seperti kerajaan memberi perhatian berat dalam meninggikan produktiviti dan mutu perkhidmatan awam, CUEPACS juga mestilah memberi sokongan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan ke arah itu.

Dr. Mahathir juga berkata, masanya sudah tiba bagi kesatuan sekerja mengkaji semula objektifnya selain daripada isu periuk nasi.

Katanya, selaras dengan perkembangan dan kemajuan dalam semua aspek kehidupan, adalah sesuai bagi kesatuan sekerja menumpukan perhatian kepada peningkatan taraf ahlinya dari segi kemajuan sosial, peningkatan pendidikan dan pengetahuan.

Dalam hal ini, jelas beliau, adalah penting pihak kesatuan memperkenalkan latihan-latihan dan kursus pendidikan mengenai aspek-aspek ekonomi, produktiviti, kualiti, kegunaan dan alam sekitar.

"Kita tidak mahu kaum pekerja Malaysia ketinggalan dalam pemahaman aspek-aspek ini yang penting dalam usaha untuk membawa negara mencapai taraf kemajuan terutama dalam perindustrian yang tinggi," katanya.

Contoh terbaik menurut Dr. Mahathir ialah persidangan alam sekitar di Rio de Janeiro, Brazil di mana ungkapan-ungkapan baru seperti *biodiversity*, *climate change* dan *global warming* telah menjadi perbualan hangat sepanjang minggu dan kakitangan awam perlu melengkapkan diri mereka mengenai pengetahuan ini.